



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 16 MEI 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Peniaga didenda seleweng diesel

KUANTAN: Seorang peniaga didenda RM300,000 selepas mengaku menyeleweng 96,542 minyak diesel pada Mac tahun lalu.

Tertuduh, Eng Ching Huang, 36, selaku Orang Kena Saman (OKS) membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan dibacakan dalam bahasa Mandarin di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Maimoonah Aid.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan memiliki kawalan barang kawalan yang juga barang berjadual iaitu bahan api diesel sebanyak 96,542 liter dalam keadaan menimbulkan syak yang munasabah.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan terbabit pada 8 Mac tahun lalu di Jeti 2, Lorong Industri Tanah Putih Baru, Tanah Putih, Kuantan.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan melanggar Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

KPDN sita barangan berjenama untuk jualan borong, e-dagang bernilai RM135,500

Selipar, stoking tiruan kena rampas

Oleh LUQMAN RIDHWAN
MOHD. NOR

IPOH – Kementerian Perdagangan Hidup (KPDN) Perak menyerbu sebuah premis dan stor di Desa Rishah Indah di sini, kelmarin, selepas disyaki menjual pelbagai barangan tiruan.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, serbuan pada pukul 11.45 pagi yang dilakukan bersama wakil pemilik cap dagangan itu dilakukan ekoran aduan oleh pihak tersebut berhubung penjualan pelbagai kasut, selipar dan stoking berjenama terkenal disyaki tiruan di premis dan stor terbabit.

"Hasil maklumat siasatan, kesemua kasut ini diperolehi dari negara luar dan kesemua stok ini adalah bagi tujuan penjualan borong dan juga melalui platform e-dagang.

"Pasukan serbuan juga telah bertindak menahan seorang lelaki warga tempatan yang mengaku bertanggungjawab sebagai pengurus syarikat.



KAMALLUDIN memeriksa barangan tiruan di sebuah premis yang diserbu pihaknya di Desa Rishah Indah, Ipoh kelmarin.

"Hasil pemeriksaan lanjut di premis dan stor tersebut, pasukan serbuan telah menyita 10,997 pasang kasut, selipar dan stokin

yang berjenama. Jumlah sitaan bagi kesemua premis ini dianggarkan bernilai RM135,500," katanya di sini semalam.

Kamalludin berkata, wakil pemilik cap dagang telah melakukan pengesahan awal ke atas barangan terbabit dan disyaki

premis telah melakukan kesalahan di bawah Akta Cap Dagangan 2019.

"Bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM30,000 bagi setiap barang-barang yang dipakailah dengan salah cap dagangan berdaftar.

"Jika orang itu ialah bukan suatu pertubuhan perbadanan, boleh didenda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap barang-barang yang dipakailah dengan salah cap dagangan berdaftar atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya," katanya.

Bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, menurut Kamalludin, ialah didenda tidak melebihi RM20,000 bagi setiap barang-barang yang dipakailah dengan salah cap dagangan berdaftar, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

"Peniaga barang tiruan jangan ingat mereka akan terlepas," katanya.

Peniaga didenda RM300,000 seleweng minyak diesel

KUANTAN – Seorang peniaga didenda RM300,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Kuantan semalam atas pertuduhan menyeleweng 96,542 minyak diesel pada Mac tahun lalu.

Tertuduh, Eng Ching Huang, 36, membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan dibacakan di dalam bahasa Mandarin di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Maimoonah Aid.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan memiliki barang kawalan yang juga barang berjadual iaitu bahan api diesel sebanyak 96,542 liter dalam keadaan menimbulkan syak yang munasabah.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan terbabit pada 8 Mac tahun lalu bertempat di Jeti 2, Lorong Industri Tanah Putih Baru, Tanah Putih, Kuantan.

Tertuduh telah melakukan kesalahan melanggar Peraturan 3 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu berurusan dengan minyak diesel tersebut secara runcit atau borong tanpa lesen.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Kementrian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pahang, Syamsul Kahar Ahmad



CHING HUANG (kanan) mengaku bersalah atas pertuduhan menyeleweng minyak diesel sebanyak 96,542 liter ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuantan di Kuantan semalam.

Nadzri dan Noor Baizura Masori, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Dalam prosiding, pihak pendakwaan memohon agar tertuduh dikenakan hukuman yang tinggi dan setimpal bagi memberi keinsafan serta memberi pengajaran buat tertuduh agar tidak mengulangi kesalahan yang sama.

Tertuduh sebelum itu memo-

hon agar hukuman diringankan berikutan tertuduh yang bekerja menjual barangan menjala ikan dengan pendapatan RM2,000 sebulan perlu menyara ibu bapa yang memerlukan rawatan hospital.

Hakim memutuskan tertuduh dikenakan hukuman denda RM300,000 atau penjara selama 12 bulan jika gagal membayar denda terbabit.

KPDN sita 10,997 barang sukan 'ciplak'

Ipoh: Sebuah premis disyaki menyimpan dan menjual barangan tiruan di Desa Rishah Indah, dekat sini, diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak, kelmarin.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, hasil serbuan pihaknya menyita 10,997 kasut, selipar dan stoking jenama terkenal dipercayai tiruan dianggarkan bernilai RM135,500.

"Wakil pemilik cap dagang hadir dan melakukan pengesahan awal ke atas barangan terbabit dan disyaki premis terbabit melakukan kesalahan mengikut Akta Cap Dagangan 2019," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, barangan disyaki tiruan itu terdiri daripada barangan sukan diperolehi dari negara luar kemudian dijual secara borong melalui platform e-dagang.

Katanya, pihaknya juga menahan seorang lelaki warga tempatan yang mengaku sebagai pengurus syarikat berkenaan.

"Kes terbabit disiasat mengikut Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019 iaitu mempunyai dalam jajaan atau kawalannya bagi maksud perdagangan apa-apa barang yang suatu cap dagangan berdaftar dipakaikan dengan salah," katanya. - Bernama

"Wakil pemilik cap dagang hadir dan melakukan pengesahan awal ke atas barangan terbabit dan disyaki premis itu melakukan kesalahan mengikut Akta Cap Dagangan 2019"



KAMALLUDIN meninjau kasut, selipar dan stoking jenama tiruan yang disita KPDN dalam serbuan di Desa Rishah Indah, Ipoh.
- Gambar NSTP/MUHAMMAD ZULSYAMINI SUFIAN SURI

Pemandu lori ditahan seleweng diesel RM3,870



Seorang pegawai KPDN Pulau Pinang menunjukkan lori yang dirampas berserta muatan enam unit tangki berkapasiti 1,000 liter di Tasek Gelugor pada Selasa.

TASEK GELUGOR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang menahan seorang lelaki kerana disyaki menyeleweng diesel di sebuah stesen minyak kawasan Tasek gelugor pada Selasa.

Pengarahnya, RS Jegan berkata, tangkapan dibuat menerusi Ops Tiris 3.0 selepas pihaknya berjaya mengesan aktiviti pemandu lori terbabit yang kelihatan mencurigakan ketika melakukan pengisian minyak diesel.

Menurutnya, pemandu lori kanvas yang membawa muatan minyak diesel itu disyaki tidak memiliki dokumen atau permit kebenaran daripada KPDN.

"Hasil pemeriksaan dibuat menemui enam unit tangki berkapasiti 1,000 liter yang mengandungi sejumlah anggaran 1,800 liter minyak diesel dan dua set motor pam ber-

serta hos paip.

"Nilai rampasan minyak diesel dianggarkan RM3,870 manakala nilai anggaran barang rampasan keseluruhan berjumlah RM23,870," katanya menerusi kenyataan di sini pada Rabu.

Jegan berkata, kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan pihaknya sedang mengenalpasti individu atau syarikat yang terlibat dalam aktiviti atau rangkaian pengedaran minyak diesel termasuklah sumber minyak diesel diperoleh dan edaran mana-mana pihak tidak bertanggungjawab.



Kegiatan jual kasut tiruan jenama terkenal terbongkar

IPOH - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Perak berjaya membongkar kegiatan menjual kasut tiruan jenama terkenal di sebuah premis di Desa Rishah Indah di sini pada Selasa.

Pengarahnya, Datuk Kamalludin Ismail berkata, serbuan jam 11.45 pagi itu dilakukan bersama wakil pemilik cap dagangan selepas mendapati premis itu dijadikan stor simpanan dan tempat urus niaga secara borong serta dalam talian.

"Pasukan serbuan telah menyita 10,997 pasang kasut, selipar dan stoking berjenama disyaki tiruan yang dianggarkan bernilai RM135,500," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Susulan itu katanya, seorang lelaki warga tempatan berusia 54 tahun yang mengaku sebagai pengurus syarikat telah ditahan untuk siasatan lanjut.



FOTO: IHSAN KPDN PERAK

Kamalludin menunjukkan sebahagian kasut tiruan berjenama terkenal yang dirampas dalam serbuan di Ipoh pada Selasa.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Johor tak halang warga asing berniaga

ISKANDAR PUTERI: Tiada halangan bagi warganegara asing menjalankan aktiviti perniagaan di Johor, selagi nama mereka terdapat dalam maklumat pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Mohd. Jafni Md. Shukor berkata, hingga kini tiada sebarang sekatan atau halangan daripada pihak SSM untuk warga asing mendaftarkan perniagaan mereka.

"Sebagaimana ditetapkan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian, tiada halangan bagi warganegara asing menjalankan aktiviti perniagaan selagi nama mereka terdapat dalam maklumat pendaftaran SSM.

"Selain itu, bagi warganegara asing yang berkahwin dengan rakyat tempatan, terdapat kebenaran daripada pihak Jabatan Imigresen untuk pasangan warganegara asing tersebut bekerja.

"Mereka dibenarkan untuk bekerja, melakukan pekerjaan berbayar atau berniaga dalam tempoh sah laku Pas Lawatan Sosial tersebut dengan syarat pekerjaan atau perniagaan tersebut adalah sah mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat

kuasa di Malaysia," katanya menjawab soalan Baharudin Mohamed Taib (BN-Permas) dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor di Bangunan Sultan Ismail, di sini semalam.

Mohd. Jafni berkata, bagi lesen penjaja, memang secara dasarnya kesemua 16 PBT tidak akan mengeluarkan lesen kepada bukan warganegara.

Namun, pasangan mereka yang merupakan warganegara boleh mendapatkan lesen perniagaan atau lesen penjaja bagi menjalankan perniagaan di dalam kawasan pentadbiran PBT.

"Kebanyakan perniagaan yang dijalankan adalah secara turun temurun atau pemilikan keluarga. PBT juga tiada punca kuasa atau larangan untuk menyekat permohonan lesen yang lengkap sekiranya permohonan melampirkan kesemua dokumen yang disyaratkan," katanya.

Dalam pada itu, beliau telah mengarahkan Jabatan Penguatkuasa kesemua PBT untuk melaksanakan operasi bersepadu terhadap peniaga warga asing sejak 2022 hingga Januari lalu.

Sebanyak 577 tindakan penguatkuasaan terhadap peniaga warga asing telah diambil menerusi 454 operasi yang dilaksanakan, katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 16 MEI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
16-May	Pemandu lori ditahan seleweng 1,800 liter diesel	https://www.sinarharian.com.my/article/664825/berita/semasa/pemandu-lori-ditahan-seleweng-1800-liter-diesel	SINAR HARIAN
16-May	KPDN PERAK SITA 527 KG MINYAK MASAK DISIMPAN DI SEBUAH RUMAH	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2298139	BERNAMA
16-May	Kantoi sorok minyak masak paket 527kg di rumah	https://www.sinarharian.com.my/article/664967/edisi/perak/kantoi-sorok-minyak-masak-pek-527kg-di-rumah	SINAR HARIAN
16-May	Sindiket Seleweng Minyak Diesel Bersubsidi Di Selangor Berjaya Ditumpas	https://malaysiagazette.com/2024/05/15/mgnews-sindiket-seleweng-minyak-diesel-bersubsidi-di-selangor-berjaya-ditumpas/	MALAYSIA GAZETTE
16-May	Guna flexi bag sorok 70,000 liter diesel dalam kontena	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/05/guna-flexi-bag-sorok-70000-liter-diesel-dalam-kontena/	UTUSAN MALAYSIA
16-May	Guna flexi bag sorok 70,000 liter diesel dalam kontena	https://www.kosmo.com.my/2024/05/15/guna-flexi-bag-sorok-70000-liter-diesel-dalam-kontena/	KOSMO
16-May	SINDIKET SELEWENG DIESEL DALAM 'FLEXI BAG' TUMPAS	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2298096	BERNAMA
16-May	Seleweng diesel subsidi guna 'flexi bag' tumpas	https://malaysiagazette.com/2024/05/15/seleweng-diesel-subsidi-guna-flexi-bag-tumpas/	MALAYSIA GAZETTE
16-May	Kegiatan pindah diesel di lokasi tersorok terbongkar	https://www.sinarharian.com.my/article/664937/berita/semasa/kegiatan-pindah-diesel-di-lokasi-tersorok-terbongkar	SINAR HARIAN
16-May	KPDN tumpas sindiket cuba seleweng 98,400 liter diesel bersubsidi	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/05/1090707/kpdn-tumpas-sindiket-cuba-seleweng-98400-liter-diesel-bersubsidi	HARIAN METRO
16-May	Sindiket seleweng diesel bersubsidi tumpas, nilai rampasan lebih RM200,000	https://selangorkini.my/2024/05/sindiket-seleweng-diesel-bersubsidi-tumpas-nilai-rampasan-lebih-rm200000/	SELANGOR KINI

16-May	KPDN rampas 35,000 liter diesel subsidi diseleweng	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/05/kpdn-rampas-35000-liter-diesel-subsidi-diseleweng/	UTUSAN MALAYSIA
16-May	Lebih 56,000 liter diesel dirampas dalam dua serbuan di P.Pinang	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/05/lebih-56000-liter-diesel-dirampas-dalam-dua-serbuan-di-p-pinang/	UTUSAN MALAYSIA
16-May	Pemandu lori ditahan seleweng 1,800 liter diesel	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemandu-lori-ditahan-seleweng-1-800-liter-diesel-470620	ASTRO AWANI
16-May	KPDN Perak sita 10,997 barangan tiruan bernilai RM135,500	https://malaysiagazette.com/2024/05/15/kpdn-perak-sita-10997-barangan-tiruan-bernilai-rm135500/	MALAYSIA GAZETTE
16-May	KPDN Perak rampas barang tiruan bernilai RM135,000	https://thesun.my/cerita/berita/kpdn-perak-rampas-barang-tiruan-bernilai-rm135500-FC12454441	THE SUN
16-May	KPDN rampas barang tiruan jenama terkenal	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/05/1090529/kpdn-rampas-barang-tiruan-jenama-terkenal	HARIAN METRO
16-May	Barangan tiruan berjenama bernilai RM135,500 disita	https://www.kosmo.com.my/2024/05/15/barangan-tiruan-berjenama-bernilai-rm135500-disita-kpdn/	KOSMO
16-May	KPDN PERAK RAMPAS BARANG TIRUAN BERNILAI RM135,500	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2297786	BERNAMA
16-May	16,000 liter diesel yang diseleweng berjaya dirampas	https://suarasarawak.my/16000-liter-diesel-yang-diseleweng-berjaya-dirampas/	SUARA SARAWAK
16-May	Peniaga miliki diesel tanpa lesen kena denda RM300,000	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/05/1090601/peniaga-miliki-diesel-tanpa-lesen-kena-denda-rm300000	HARIAN METRO
16-May	PENIAGA DIDENDA RM300,000 SIMPAN DIESEL TANPA LESEN	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2297879	BERNAMA
16-May	Peniaga didenda RM300,000 simpan diesel tanpa lesen	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/peniaga-didenda-rm300000-simpan-diesel-tanpa-lesen-470674	ASTRO AWANI

16-May	Peniaga didenda RM300,000 seleweng diesel bersubsidi	https://www.sinarharian.com.my/article/664854/berita/semasa/peniaga-didenda-rm300000-seleweng-diesel-bersubsidi	SINAR HARIAN
16-May	Peniaga didenda RM300,000 miliki diesel tanpa lesen	https://www.buletintv3.my/mahkamah/peniaga-didenda-rm300000-miliki-diesel-tanpa-lesen/	BULETIN TV3
16-May	Penjual alat perikanan didenda RM300,000 seleweng diesel	https://malaysiagazette.com/2024/05/15/penjual-alat-perikanan-didenda-rm300000-seleweng-diesel/	MALAYSIA GAZETTE
16-May	Peniaga didenda RM300,000 simpan diesel tanpa lesen	https://thesun.my/cerita/berita/peniaga-didenda-rm300000-simpan-diesel-tanpa-lesen-BC12455040	THE SUN
16-May	Subsidi bersasar tak akan 'hukum' orang miskin - PM	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/05/1247261/subsidi-bersasar-tak-akan-hukum-orang-miskin-pm	BERITA HARIAN
16-May	Ministry of Domestic Trade and Cost of Living's call to check on these traders	https://www.dailyexpress.com.my/news/234293/ministry-of-domestic-trade-and-cost-of-living-s-call-to-check-on-these-traders/	DAILY EXPRESS
16-May	Johor tidak halang warga asing berniaga	https://www.utusan.com.my/berita/2024/05/johor-tak-halang-warga-asing-berniaga-mohd-jafni/	UTUSAN MALAYSIA
16-May	Tiada larangan warga asing guna nama pasangan berniaga di Johor	https://www.sinarharian.com.my/article/664908/edisi/johor/tiada-larangan-warga-asing-guna-nama-pasangan-berniaga-di-johor	SINAR HARIAN
16-May	Tiada larangan warga asing guna nama pasangan rakyat tempatan berniaga di Johor	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiada-larangan-warga-asing-guna-nama-pasangan-rakyat-tempatan-berniaga-di-johor-470692	ASTRO AWANI
16-May	Warga asing dibenar guna nama pasangan rakyat tempatan berniaga di Johor	https://www.malaysiakini.com/news/705611	MALAYSIA KINI
16-May	TIADA LARANGAN WARGA ASING GUNA NAMA PASANGAN RAKYAT TEMPATAN BERNIAGA DI JOHOR	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2297940	BERNAMA
16-May	Tiada larangan warga asing guna nama pasangan rakyat tempatan berniaga di Johor	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/05/1090695/tiada-larangan-warga-asing-guna-nama-pasangan-rakyat-tempatan-berniaga-di	HARIAN METRO
16-May	Tiada larangan warga asing guna nama pasangan rakyat tempatan berniaga di Johor	https://www.buletintv3.my/nasional/tiada-larangan-warga-asing-guna-nama-pasangan-rakyat-tempatan-berniaga-di-johor/	BULETIN TV3
16-May	Counterfeit Windshields Worth RM140,200 Confiscated in Raids	https://thesun.my/motoring_news/counterfeit-windshields-worth-rm140200-confiscated-in-raids-BC12456887	THE SUN